



**ANUGERAH KECEMERLANGAN TUN DR. SITI HASMAH MOHD ALI
2025**

TERMA RUJUKAN

1. PENGENALAN	<p>Bermula pada tahun 2023, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) telah memperkenalkan ANUGERAH KECEMERLANGAN TUN DR. SITI HASMAH MOHD ALI (AKTUNDSH), satu anugerah bernilai sehingga RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) yang ditawarkan kepada calon-calon Ijazah Sarjana bagi menyokong usaha mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>Anugerah ini mengiktiraf graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mununjukkan potensi kepimpinan yang tinggi.</p>
2. SYARAT & PERATURAN PERMOHONAN	<p>A. Kriteria Kelayakan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Warganegara Malaysia.2. Graduan Kelas Pertama Ijazah Sarjana Muda dari IPTA/IPTS yang tersenarai dalam Tier 5 dan 6 yang diiktiraf oleh Ministry of Higher Education (MOHE), dan Malaysia Qualification Agency (MQA) dan QS World University Ranking 2024/2025.3. Menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda tidak melebihi 2 tahun dari Tarikh permohonan. <p>B. Syarat-syarat permohonan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Permohonan terbuka kepada semua calon Ijazah Sarjana Muda dari IPTA/IPTS dan perlu disertakan bersama surat tawaran kemasukan ke program Ijazah Sarjana daripada IPTA/IPTS berkenaan.2. Menunjukkan ciri ciri kepimpinan yang unggul dan kebolehan bekerjasama dalam kerja berpasukan.3. Mempamerkan nilai-nilai peribadi yang terkemuka melalui penglibatan dalam aktiviti khidmat komuniti, sukan atau kesenian.

	<p>4. Menunjukkan bukti nyata bahawa pemohon berupaya untuk mencapai kecemerlangan selepas tamat pengajian.</p> <p>5. Setiap permohonan perlu disahkan oleh Penyelia akademik sebelum dihantar kepada Lembaga Pengarah PSWM melalui emel: pswm2025@gmail.com</p>	
	<p>C. Arahan Permohonan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap. 2. Menyertakan surat sokongan daripada IPTA/IPTS. 3. Menyertakan kenyataan peribadi yang menyakinkan komitmen melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana. 4. Melampirkan surat tawaran pengajian Ijazah Sarjana dan transkrip akademik Ijazah Sarjana Muda. 	
	<p>D. Notifikasi Anugerah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keputusan muktamad akan dibuat oleh Jawatankuasa Anugerah PSWM. 2. Penerima Anugerah akan dimaklumkan melalui emel. 3. Penerima Anugerah dikehendaki hadir ke majlis penyampaian anugerah. 	
<p>3. TEMPOH PENGAJIAN</p>	<p>Tempoh maksimum tajaan adalah selama 18 bulan sahaja.</p>	<p>4. YURAN PENGAJIAN</p> <p>Anugerah bernilai sehingga RM50,000.00 hanya terhad kepada pembayaran yuran pengajian (tuition fees) sahaja.</p> <p>Pemohon dikehendaki mengemukakan invois rasmi pengajian kepada PSWM untuk urusan pembayaran terus kepada institusi pengajian tinggi berkenaan.</p>
<p>5. LAPORAN PENGAJIAN DAN PROJEK PENYELIDIKAN</p>	<p>Laporan Kemajuan & Laporan Akhir</p>	<p>1. Laporan Kemajuan</p> <p>Laporan Kemajuan fizikal perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PSWM setiap ENAM (6) bulan, setelah menerima tawaran</p>

		<p>melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah fakulti atau pusat pengajian yang berkenaan.</p> <p>2. Laporan Akhir</p> <p>Laporan Akhir pengajian/penyelidikan perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PSWM melalui Penyelia atau Dekan/Pengarah dalam tempoh TIGA (3) bulan selepas tarikh tamat pengajian.</p>
6. HASIL PENYELIDIKAN		<p>Penerima anugerah dikehendaki menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam Jurnal Berindeks (Scopus/WOS). Setiap penerbitan atau kertas kerja persidangan mestilah menyatakan penghargaan kepada PSWM dengan jelas.</p> <p>Bukti penerbitan perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PSWM melalui Penyelia atau Dekan/Pengarah.</p>
7. IMPAK PENYELIDIKAN		<p>Projek penyelidikan yang dicadangkan hendaklah mempunyai impak yang signifikan kepada industri dan/atau masyarakat. Calon dikehendaki menyatakan jangkaan impak penyelidikan yang dicadangkan.</p>